

CNS4451

U GB 16-04 00173 BA458

bah

UMNO MUNGKIN BAWA KES DEWAN UNDANGAN NEGERI KELANTAN KE MAHKAMAH
Mahathir - Kelantan

MELAKA, 16 April (Bernama) -- UMNO mungkin membawa ke mahkamah tindakan Dewan Undangan Negeri Kelantan merujuk dua anggota dewan itu daripada Barisan Nasional (BN) kepada Jawatankuasa Terpilih Dewan baru-baru ini, jika mendapati tindakan itu sebagai tidak menghormati mahkamah, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

+Sekiranya didapati tindakan tersebut merupakan tindakan yang menghina mahkamah, maka kita mungkin terpaksa mengambil tindakan membawanya ke mahkamah,+ kata Perdana Menteri.

Perkara itu mungkin dibincangkan pada mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO minggu ini, katanya kepada pemberita di sini.

Dua anggota itu, Haji Nordin Salleh (Sungai Pinang) dan Wan Mohamed Najib Wan Mohamed (Limbongan) dirujuk kepada Jawatankuasa Terpilih Dewan itu pada persidangannya Isnin lepas kerana dikatakan mencemar kemuliaan dewan dan membohongi pengundi di kawasan masing-masing.

Dr Mahathir yang juga Presiden UMNO berkata, kerajaan Kelantan pimpinan PAS itu tidak boleh mengatakan yang mereka menghormati keputusan mahkamah tetapi bertindak menidakkan keputusan mahkamah. -- Lagi.

▼16/04/15-05MST

CNS4472

U GB 16-04 00143 BA459

bah

Mahathir - Kelantan 2 Melaka

Nordin dan Wan Najib telah dikembalikan kepada kedudukan sebagai anggota Dewan ekoran keputusan mahkamah bahawa pindaan Perlembagaan Kelantan yang mencegah anggota Dewan bertukar parti, tidak sah sebahagiannya.

Mereka telah dipecat sebelum itu berasaskan pindaan itu apabila mereka menyertai UMNO setelah memenangi kerusi masing-masing pada pilihan raya umum 1990 atas tiket Semangat 46.

Mengenai dakwaan bahawa kedua-dua anggota berkenaan tidak mengikuti kehendak rakyat dan membohongi rakyat, Dr Mahathir berkata, sepatutnya PAS menyatakan sedari awal kepada rakyat bahawa sesiapa yang melompat parti selepas memenangi pilihan raya, akan disingkirkan daripada menjadi wakil rakyat.

+Tetapi ini tidak beritahu...lepas itu apabila orang sudah dipilih baru nak buat undang-undang yang menidakkan hak wakil rakyat dan menidakkan hak rakyat,+ katanya.

Perkara yang dilakukan itu tidak mengikuti kehendak rakyat, kata beliau.

-- Bernama.

▼16/04/15-32MST